

Bantu pen menjadi

perniagaan menjadi

KUALA LUMPUR, Sabtu — Empat langkah akan diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu rakyat yang mengganggu menyertai bidang perniagaan sebagai peniaga kecil dan penjaja.

Langkah-langkah itu ialah:

- Memperkenalkan skim pinjaman penjaja.
- Memudahkan cara mendapatkan lesen.
- Mengurangkan kadar bayaran lesen.
- Mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan menyediakan satu tapak khas yang teratur untuk peniaga kecil dan penjaja di kawasan perumahan yang mereka majukan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata skim pinjaman penjaja yang akan diwujudkan tidak lama lagi, dapat mengatasi masalah modal yang sering dihadapi oleh mereka yang ingin menjadi peniaga atau penjaja kecil.

Di samping itu, katanya kerajaan pusat juga akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan memudahkan cara

Oleh SAODAH ELIAS

memohon lesen serta mengkaji semula kadar bayaran lesen menjaja supaya tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil.

Berucap merasmikan Persidangan Tahunan ke-28 Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia di sini hari ini, beliau berkata kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan mengadakan kawasan khas untuk penjaja dan peniaga kecil.

Golongan penting

Katanya, syarat itu kini sudah dikuatkuasakan untuk bangunan-bangunan tinggi iaitu mewajibkan pemiliknya menyediakan sekurang-kurangnya satu tingkat di bangunan mereka untuk perniagaan kecil dan penjaja.

Beliau menegaskan langkah-langkah ini bertujuan menyediakan lebih banyak tempat yang selesa dan teratur untuk berjaja bagi menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai bidang itu.

"Ini adalah salah satu strategi kerajaan mengurangkan kadar pengangguran di negara ini, terutama mereka yang dibuang kerja di sektor perkilangan dan perlombongan," katanya.

Sambil menyifatkan peniaga ke-

cil dan penjaja sebagai golongan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi segala bantuan dan sokongan yang mereka perlukan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berhasrat menyediakan tapak perniagaan yang lebih menarik, bersih, dan teratur untuk penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara.

Beliau berkata bumbung géral di kawasan itu juga akan dicat berwarna-warni supaya kelihatan lebih 'meriah' dan dapat menarik pelancong mengunjungi kawasan berkenaan.

"Untuk itu, kerajaan menyediakan peruntukan \$30 juta bagi membangunkan tapak penjaja di beberapa kawasan tertentu dan menyediakan kemudahan asas," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun kini banyak kompleks perniagaan wujud di bandar-bandar besar, penjaja dan peniaga kecil yang menjual barangan dengan murah masih diperlukan, lebih-lebih lagi di zaman ekonomi lembap sekarang.

Perdana Menteri juga menegaskan kerajaan memandang berat masalah penjaja di kalangan pendatang haram kerana ia mengancam pendapatan penjaja tempatan.